Bagaimana Terbentuknya Ilmu Tafsir

Oleh kerana ada setengah daripada ayat-ayat Quran yang berkehendak kepada huraian, maka Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam dari semasa ke semasa menghuraikan kepada sahabat-sahabatnya, baik dengan kehendak baginda sendiri atau bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dinyatakan kepadanya.

Setelah Rasulullah (SAW) wafat, sahabat-sahabat besar Nabi pula tampil mentafsirkan Quran, terutamanya ‘Alī bin Abī Ṭalib, ‘Abdullāh bin ‘Abbas, ‘Abdullāh bin Sa‘ūd dan Abī bin Ka‘ab. Kerap kali mereka itu member huraian tentang sebabnya suatu ayat Quran itu diturunkan.

Setelah itu datang pula tabi‘in (pengikut-pengikut sahabat) lalu melanjutkan huraian sahabat-sahabat Nabi yang tersebut, dan ada di antaranya pula yang mentafsirkan setengah-setengah ayat Quran, baik menurut ijtihad merdeka atau menurut apa yang mereka dengar dari sahabat-sahabat sendiri. Demikian pula “Tabi‘ al-Tabi‘īn” (pengikut kepada pengikut-pengikut sahabat) telah melanjutkan huraian tafsir puak tabi‘īn.

Dalam zaman tabi‘īn tafsir al-Quran al-karim telah dimasukki oleh cerita-cerita yang berpunca daripada kau Yahudi dan Nasrani (*al-Isrā ‘ilyāt wa al-naṣarā aniyāt*) yang telah masuk Islam dengan banyaknya seperti Wahab bin Manbah, ‘Abdullāh bin Salām dan Ibn Jarīj cerita-cerita itu mereka diiwayatkan daripada kitab-kitab Tawrat dan Injil dan kitab-kitab huraiannya.

Kitab-kitab tafsir Quran itu pada mulanya tidak begitu teratur, sebagaimana teraturnya kitab Quran sendiri, kerana pada masa itu hadis-hadis Nabi menjadi bahan-bahan yang meliputi segala jenis pengetahuan, mengandungi tafsir, hukum-hukum agama dan sejarah. Kesemuanya pada kitab itu bersatu padu di antara satu dengan lain.

Setelah itu baharulah penyusun-penyusun kitab-kitab dalam akhir zaman Bani Umayyah dan [ermulaan zaman Abbasiyah, mengumpulkan hadis-hadis Nabi yang bersamaan maksudnya, lagi berhubung dengan suatu maudu‘, lalu diasingkan dari lainnya dan disusun menurut bab-babnya yang tertentu, seperti yang disusun oleh Imam Mālik di dalam kitab “*al-Muwaṭṭa*’” iaitu mengandungi hukum-hukum agama. Demikian juga Muḥammad bin Isḥaq telah mengumpulkan hadis-hadis berkenaan riwayat hidup Nabi lalu ditambahnya dengan cerita-cerita dan syair-syair mengenai maudu‘ itu sehingga menjadi sebuah kitab yang mengandungi perihal hidup junjungan kitab (SAW). Dengan ini menjadilah ilmu tafsir itu salah satu cabang ilmu hadis.

Setelah itu tiba pula langkah yang kedua, iaitu tiap-tiap suatu puak telah mengumpulkan tafsir ahli-ahli tafsir negeri mereka. Ahli-ahli tafsir dari orang-orang Mekah seperti Mujāhid, ‘Akaramah, Sa‘ıd bin Jabīr telah mengambil berat meriwayatkan tafsir dari Ibnu ‘Abbās ahli tafsir Mekah yang kebilangan. Ahli-ahli tafsir tabi‘īn daripada orang “Kufah” seperti ‘Alqamah bin Qiyas, al-Iswad bin Yazīd, Ibrahīm al-Nakh‘ī dan al-Sha‘bī telah mengambil berat meriwayatkab tafsir Ibnu Mas‘ūd dan seterusnya.

Langkah yang ketiga pula ialah ilmu tafsir telah bercerai daripada ilmu hadis lali menjadi suatu ilmu yang bersendiri.

Boleh didapati dengan jelasnya bahawa tafsir Quran pada tiap-tiap zaman adalah terpengaruh dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan menjadi gambaran bagi zaman itu.

Jelasnya kitab-kitab tafsir pada akhir zaman Bani Umayyah

terbahagi kepada dua jenis, setengah ulama menurut jalan ahli-ahli hadis dengan hanya menyebutkan huraiannya menurut yang diterimanya dari pihak yang terdahulu (*al-Munaqūl*) dan setengahnya pula menghuraikannya menurut ijtihad dan timbangan akalnya.

Apabila ilmu-ilmu langit, nahu dan feqah telah disusun dan ilmu al-Kalam dan masalahnya diperbahaskan dalam zaman Abbasiyyah, maka pengaruhnya mulai menyerap ke dalam ilmu tafsir dengan besarnya ahli-ahli nahu telah mengambil Quran menjadi bahan bagi menunjukkan tepat dan betulnya kaedah-kaedah yang mereka bentuk itu, ahli-ahli bahasa pula telah mengarang kitab-kitab mengandungi kata-kata dalam Quran yang tidak begitu terkenal, seperti yang telah ndikumpulkan oleh Abū ‘Ubaidah. Ilmu ulama ahli feqah pula telah mengambil berat menyelidik ayat-ayat Quran yang mengandungi hukum agama lalu mereka menyusun kitab-kitab yang telah diistinbatkan (dikeluarkan) hukumnya daripada Quran, misalnya kitab “*Aḥkām al-Quran*” (menurut mazhab Imam Mālik). Kitab “*Aḥkam al-Quran*” susunan Abū Bakr al-Rāzī (menurut mazhab Imam Ahl ‘Arāq), kitab “Aḥkam al-Quran” susunan Imam Shafī‘ī dan “*Aḥkam al-Quran*” susunan Abū Dāwud Bin ‘Alī al-Ẓahrī.

Datang pula ilmu ulama ahli al-Kalam. Iaitu mereka tidak berapa cenderung kepada ilmu yang hanya diturunkan dari nas-nas yang telah sedikit sahaja mereka juga mempunyai beberapa mazhab dalam masalah tawhif, sifat-sifat Tuhan, dan perbuatan manusia, mereka pun mentakwilkan Quran menurut fahaman dan iktikad mereka. Tetapi cara mereka yang demikian tidak diperkenani oleh puak yang mentafsirkan Quran dengan akal. Dan tidak juga diperkenani oleh alhi al-Sunnah. Maka timbul pertelingkahan di antara dua cara itu. Abu Qatībah telah menyelar mereka di dalam kitabnya bahasnya tafsir, sebagaimana juga telah menyelar mereka di dalam kitabnya bahasnya hadis. Lihat (ta’wīl *mukhtalaf al-ḥadīth* muka 80). Lalu dibalas oleh pihak lawannya.

Al-Jāhaẓ pula di dalam kitabnya “*al-Hayawān*” telah menceritakan bagaimana saluran kaum-kaum Yahudi, Nasrani dan orang-orang yang tidak bertuhan terhadap ayat-ayat Quran, dan bantahan-bantahan di atasnya dari segi akal, lalu dijawab oleh puak Mu‘tazilah menurut cara mereka. Sebagaimana juga kita dapati di dalam kitabnya itu jawapan-jawapan dan bangkangan-bangkangan serta selaran-selaran atas setengah kata-kata ahli tafsir yang hanya berpada dalam huraian mereka atas nas-nas yang tertulis walaupun nas-nas itu menyalahi akal fikiran.

Jenis takwil yang demikian inilah yang telah kembang kemudian daripada itu, lalu zahir daripadanya kitab-kitab tafsir seperti “*al-Kashaf*” yang disusun oleh al-Zamakhsharī dan “*mafāsiḥ al-Gha‘ib*” yang disusn oleh Imam al-Fakhr al-Rāzī.



Ahli UMNO cawangan Geylang Serai yang telah ditubuhkan baharu-baharu ini.